

Perluakah Sempang dalam Kata Ganda?

Oleh **MUNSYI JAWI**

Langkah untuk mengeja kata ganda dalam tulisan Jawi bukan sekadar meletakkan angka dua pada hujung sesuatu perkataan. Hal ini dikatakan demikian kerana terdapat pelbagai implikasi dari segi perubahan bentuk ejaan yang perlu diberi perhatian oleh pengguna ketika menggunakan kata ganda dalam tulisan Jawi.

Dalam *Dewan Bahasa* Bil. 3 2018, anda didedahkan kepada kaedah mengeja perkataan yang mengandungi tiga suku kata. Tahukah anda bahawa ada perkataan trisuku kata yang dikategorikan sebagai kata ganda? Bagaimanakah cara untuk mengeja perkataan ini? Bagaimanakah cara untuk mengeja kata ganda yang lain?

Sebelum mempelajari kaedah mengeja kata ganda dalam tulisan Jawi, apakah yang dimaksudkan dengan kata ganda? Kata ganda ialah perkataan yang terbentuk sebagai hasil proses penggandaan. Penggandaan merupakan satu daripada kaedah pembentukan kata yang terdapat dalam bahasa Melayu.

Secara umumnya, penggandaan dapat ditakrifkan sebagai proses untuk menerbitkan perkataan dengan mengandakan kata dasar.

Terdapat empat jenis penggandaan, iaitu gandaan penuh, gandaan separa, gandaan berentak dan gandaan bebas. Setiap perkataan yang terbentuk menerusi kaedah ini membawa makna yang berbeza daripada kata asal mengikut jenis gandaan yang terhasil.

Langkah untuk mengeja kata ganda dalam tulisan Jawi bukan sekadar meletakkan angka dua pada hujung sesuatu perkataan. Hal ini dikatakan demikian kerana terdapat pelbagai implikasi dari segi perubahan bentuk ejaan yang perlu diberi perhatian oleh pengguna ketika menggunakan kata ganda dalam tulisan Jawi.

Pembentukan kata menerusi proses penggandaan, pada dasarnya, tidak mengubah ejaan perkataan asal yang membentuknya. Kata ganda penuh, seperti "paru-paru", dieja *pa-alif-ra-wau* dengan diikuti oleh angka dua (٢). Bagi mengeja kata

ganda jenis ini dalam tulisan Jawi, kata dasar "paru" tidak perlu diulang dan tanda sempang juga tidak diperlukan. Demikianlah juga dengan perkataan "tiba-tiba" dan "gara-gara". Contoh ejaan semua perkataan ini ditunjukkan dalam Jadual 1.

Meskipun begitu, ada kata ganda yang berbentuk satu perkataan, seperti "tetikus",

Jadual 1 Ejaan kata ganda penuh.

Rumi	Jawi
paru-paru	٢ارو
gara-gara	٢ارار
tiba-tiba	٢يبا
gula-gula	٢ولا

yang terbentuk sebagai hasil gandaan suku kata pertama kata dasarnya, iaitu "ti". Bunyi vokal dalam suku kata yang digandakan itu kemudiannya diubah menjadi e pepet. Kata ganda ini dikenali sebagai kata ganda separa. Kebanyakan kata ganda ini mengandungi tiga suku kata. Contoh perkataan lain dalam kategori ini ialah "lelaki" dan "pepatung". Ejaan semua perkataan ini dapat dilihat dalam Jadual 2.

Jadual 2 Ejaan kata ganda separa.

Rumi	Jawi
tetikus	٢تيكوس
lelaki	٢لاكي
pepatung	٢فاتونغ

Bagi kata ganda berentak, seperti "bukit-bukau", pula, tanda sempang diperlukan manakala perkataannya dieja satu per satu, seperti dalam tulisan Rumi. Kata ganda bebas, seperti perkataan "porak-peranda", juga perlu dieja sedemikian. Ejaan kedua-dua perkataan ini dan contoh lain bagi setiap jenis kata ganda ini ditunjukkan dalam Jadual 3 dan Jadual 4.

Ketika menggandakan perkataan dengan menggunakan tanda sempang, pengguna tulisan Jawi perlu berhati-hati apabila berhadapan dengan perkataan yang diakhiri oleh bunyi vokal [a]. Perkataan "raba", misalnya, sebelum digandakan, dieja *ra-alif-ba* kerana tertakluk kepada Hukum Deranglu.

Walau bagaimanapun, apabila perkataan ini digandakan menjadi "teraba-raba", huruf *alif* perlu dimasukkan selepas huruf *ba*



Jadual 3 Ejaan kata ganda berentak.

Rumi	Jawi
rentak suku kata awal	bukit-bukau بو كيت - بو كاو
rentak suku kata akhir	anak-pinak انق - فينق
rentak bunyi vokal	cucu-cicit جو جو - جيجيت

Jadual 4 Ejaan kata ganda bebas.

Rumi	Jawi
simpang-siur	سيمفغ - سيور
porak-peranda	فورق - فرندا
ulang-alik	اولغ - اليق

Jadual 5 Ejaan kata ganda yang diakhiri oleh bunyi vokal [a].

Rumi	Jawi
teraba-raba	٢رابا - راب
bersama-sama	٢راسا - سام
kata-mengata	٢كاتا - مغات
ke mana-mana	٢كمانا - مان

pada perkataan "teraba" sebelum diikuti oleh tanda sempang. Perkataan "raba" yang berikutnya pula dieja tanpa huruf *alif*. Hal ini biasanya melibatkan kata dasar yang dieja tanpa huruf *alif* pada suku kata akhir kerana tertakluk kepada Hukum Deranglu. Jadual 5 menjelaskan hal ini.

Demikianlah cara untuk mengeja kata ganda. Meskipun kaedah pengejaan kata ganda ini agak mudah, masih kedapatan pengguna yang tersilap mengejanya. Oleh itu, pengguna perlu berwaspada dengan ketetapan yang perlu diikuti supaya kata ganda dapat dieja dengan betulunya. **DB**